

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN KEMPEN HARI PAHLAWAN 2001
Lokasi : MENERUSI RTM
Tarikh : 31-07-2001

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya, sekali lagi kita dapat bersama-sama sempena dengan pelancaran Kempen Hari Pahlawan pada tahun ini.

2. Bagi kita rakyat Malaysia, 31 Julai adalah merupakan hari di mana kita mengenang jasa para pahlawan kita yang telah terkorban untuk mempertahankan maruah dan kedaulatan negara. Pengisytiharan hari Pahlawan telah dibuat oleh Kerajaan sejak era kepimpinan Yang Teramat Mulia Almarhum Tuanku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Kerajaan telah memilih 31 Julai kerana mengenang sempena tamatnya darurat menentang Parti Komunis Malaya pada tahun 1960.

Sebelum ini hari tersebut dikenali sebagai "Poppy Day" di mana kita adalah salah sebuah negara yang mengiktiraf Konvensyen Geneva 1945, iaitu sebagai hari untuk memperingati tamatnya Perang Dunia Kedua. Dengan mengambil semangat daripada Konvensyen Geneva itu, maka kempen ini adalah satu cara bagi kita rakyat Malaysia mengenang budi dan perjuangan yang telah dicurahkan oleh para pahlawan kita yang telah terkorban demi mempertahankan maruah negara. Kita harus sedar, dalam mana-mana juga perjuangan sudah pasti ada yang gugur dan kecundang. Ada antara mereka yang hilang upaya sepanjang hayat di dalam melaksanakan tugas-tugas yang murni ini. Ada pula para pejuang dan pahlawan ini meninggalkan balu dan anak-anak yang memerlukan sokongan dan bantuan, manakala bagi mereka yang malang terpaksa meneruskan kehidupan untuk menyara isteri dan anak-anak dalam keadaan yang daif dan cacat. Dan sebagai tanda ingatan, sumbangan derma adalah dimohon dari rakyat untuk membantu bekas-bekas tentera kita dan balu-balu serta keluarga mereka yang memerlukannya.

3. Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, dengan tidak mengira agama dan keturunan, kita seharusnya menanamkan sifat berterima kasih dan membalas budi kepada mereka- mereka yang pernah berjasa dan berjuang untuk mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan tanah air. Marilah kita sama-sama berdoa dan merakamkan setinggi- tinggi penghargaan kepada pahlawan kita yang telah banyak menabur bakti dan berkorban untuk negara ini.

4. Syukur Alhamdulillah, sungguhpun dunia masih lagi dibelenggu oleh kemelut ekonomi, negara kita masih mampu mengatasinya dengan melaksanakan pelbagai program pemulihan pembangunan demi untuk kemajuan negara dan rakyat seluruhnya. Namun harus diingat, dalam melaksanakan pelbagai program tersebut, setiap lapisan masyarakat mestilah sama-sama memainkan peranan masing- masing dalam usaha kita membangunkan negara yang kita cintai ini.

5. Sebagai rakyat yang inginkan kestabilan negara di mana penduduknya terdiri daripada berbilang kaum, suku kaum dan agama adalah amat penting bagi menjamin segala usaha kita mencapai kejayaan dan menepati wawasan yang kita cita-citakan. Pentingnya kestabilan dan keamanan negara adalah tidak dapat dinafikan oleh sesiapa, kerana ianya telahpun terbukti dalam lipatan sejarah negara kita. Sejarah telah mengajar kita bahawa tanpa perpaduan dan semangat hormat-menghormati antara kaum sudah pasti akan berlakunya perpecahan di kalangan rakyat dan jika ini berlaku sudah pasti akan menjejaskan usaha-usaha untuk membangun dan memajukan rakyat dan negara.

6. Dalam kesempatan ini saya ingin menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia berbilang kaum supaya sama-sama kita membina dan memelihara keamanan yang telah kita bina sekian lama.

7. Peranan pasukan keselamatan kita dalam mengawal keselamatan dan mempertahankan keamanan negara haruslah disanjung tinggi. Kecekapan, disiplin serta kegigihan pasukan keselamatan kita dalam memelihara keamanan negara hingga ke tahap yang tinggi ini harus diberikan pujian oleh seluruh rakyat Malaysia.

8. Namun, dalam suasana yang aman ini rakyat tidak harus leka dan cuai dalam sama-sama memenuhi

tanggungjawab untuk memelihara keamanan negara terus berkekalan. Sebagai rakyat kita mestilah sentiasa peka terhadap apa juga unsur-unsur subversif yang boleh mengancam keselamatan negara dan hendaklah memberi sokongan padu serta kerjasama kepada pasukan keselamatan di dalam menjalankan tugas mereka.

9. Malaysia telah mengalami pelbagai kemelut yang mengancam keselamatan dan kestabilan. Era darurat pertama iaitu dari tahun 1948 hingga 1960, kita berjaya mematahkan perjuangan menentang Komunis. Seterusnya kejayaan pasukan keselamatan kita mengalahkan Pengganas Komunis dari tahun 1968 hingga 1989. Kejayaan menghapuskan insurgensi Komunis di negara ini adalah sumbangan bersepadu pasukan keselamatan melalui konsep KESBAN (Keselamatan dan Pembangunan). Sebagai rakyat kita harus merasa bangga kerana kejayaan kita sebagai satu-satunya negara di dunia yang berjaya menumpaskan Komunis menerusi strategi dan doktrin peperangan yang berteraskan nilai-nilai dan pendekatan tempatan. Kejayaan kita mengalahkan Komunis adalah kerana adanya hubungan yang mantap dan kerjasama yang baik di antara Kerajaan, rakyat dan pasukan keselamatan khususnya Angkatan Tentera Malaysia. Dalam hubungan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada pemimpin ATM di semua peringkat yang telah menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi dalam menghadapi tekanan pihak Komunis. Mereka telah menunjukkan daya juang yang tinggi, sabar, tertib dan berani dalam menghadapi perjuangan zaman Komunis.

10. Dengan adanya keamanan dan keselamatan, negara kita telah dapat bergerak maju terutama dalam melaksanakan usaha-usaha pembangunan supaya kita mampu bersaing dengan negara-negara lain dalam mengembangkan aktiviti ekonomi negara secara global.

11. Bersempena dengan Kempen Hari Pahlawan pada tahun ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengulangi seruan kepada rakyat di segenap lapisan masyarakat terutama kepada para remaja supaya meninggikan lagi semangat patriotisme mereka terhadap negara. Sikap cintakan negara haruslah kekal dan tebal di dalam diri kita. Dan janganlah ianya terhakis dengan begitu mudah oleh apa juga keadaan terutama oleh pengaruh luar yang boleh menggugat pendirian kita. Semangat cintakan negara dan patriotisme akan menjadikan faktor utama bagi menjamin kestabilan dan seterusnya membawa kepada pembangunan negara.

12. Sebagai rakyat, kita tidak seharusnya lupa akan peranan dan pengorbanan pahlawan-pahlawan kita yang telah banyak berbakti dan berjasa kepada negara. Kita harus mempunyai keinsafan yang ikhlas di hati sanubari kita untuk memberi perhatian yang setimpal kepada mereka selaku wira negara. Kepada mereka yang telah gugur, janganlah kita lupa kepada ahli-ahli keluarga mereka yang ditinggalkan. Begitu juga mereka yang telah hilang upaya kerana mengalami kecederaan ketika bertugas. Mereka semua memerlukan bantuan.

13. Sepanjang tahun 2000 Persatuan Bekas Tentera Malaysia telah mengeluarkan sumbangan kebajikan sebanyak satu juta, dua puluh tujuh ribu, enam ratus dua belas ringgit (RM1,027,612.00) kepada keluarga serta ahli-ahli Persatuan Bekas Tentera Malaysia dalam pelbagai kategori merangkumi:

14. Bantuan bulanan balu-balu sebanyak tiga ratus tiga puluh sembilan ribu, sembilan ratus enam puluh ringgit (RM 339,960.00) untuk seramai 531 orang penerima;

15. Bantuan bulanan kepada ahli yang tidak mempunyai daya upaya dan anak-anak yatim dua ratus lapan puluh sembilan ribu, tiga ratus dua ringgit (RM289,302.00) untuk seramai 560 orang penerima;

16. Bantuan kebajikan am dan perubatan sebanyak dua ratus tujuh puluh satu ribu, enam puluh ringgit (RM271,060.00) untuk seramai 1,099 orang penerima;

17. Bantuan pendidikan yang meliputi institut pengajian tinggi, biasiswa kecil dan bantuan peperiksaan satu ratus dua puluh tujuh ribu, dua ratus sembilan puluh ringgit (RM127,290.00) untuk seramai 634 orang penerima.

18. Sebagai penaung Kempen Hari Pahlawan saya berharap kepada tuan-tuan dan puan-puan yang

budiman supaya menghulurkan sumbangan seberapa ikhlas kepada Persatuan Bekas Tentera Malaysia yang satu-satunya Persatuan dan badan yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi membantu para bekas tentera kita atau keluarga dan anak-anak yang ditinggalkan demi mempertahankan negara. Sungguhpun sumbangan yang diberikan tidak seberapa jika dibandingkan dengan penderitaan yang ditanggung, sekurang-kurangnya ia dapat mengurangkan beban dan penderitaan yang dihadapi dan membuktikan bahawa rakyat Malaysia sentiasa hidup saling bantu membantu dan sentiasa perihatin terhadap penderitaan yang ditanggung oleh anggota masyarakat yang lain tanpa mengira bangsa dan agama.

19.Sesungguhnya sumbangan dan derma yang tuan-tuan dan puan-puan hulurkan itu amatlah besar ertinya untuk menjamin Kempen Hari Pahlawan pada tahun ini mencapai matlamatnya.

20.Pada kesempatan ini, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang sentiasa peka dan prihatin terhadap masalah dan penderitaan yang ditanggung oleh bekas-bekas tentera dan keluarga mereka.

21.Kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri, badan-badan berkanun, syarikat swasta serta individu-individu yang budiman, saya mengucapkan jutaan terima kasih terhadap sokongan yang berterusan, khususnya dari segi kewangan dan seumpamanya.

22.Dengan ini marilah kita bersama-sama berdoa semoga Allah S.W.T. akan memberkati kempen kita pada tahun ini dan dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan rasminya melancarkan Kempen Hari Pahlawan Bagi Tahun 2001.